

Tentera perlu kuasai ilmu

UM-1/7/2007

LUMUT 30 Jun – Yang di-Pertuan Agong, Tunku Mizan Zainal Abidin bertitah, kekuatan ketenteraan sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada keupayaan persenjataan semata-mata malah memerlukan pegawai-pegawai yang mampu mengendalikan keupayaannya.

Titah baginda, untuk itu, pengetahuan yang mendalam tentang ilmu ketenteraan akan menjadikan senjata yang dimiliki lebih ampuh dan ditakuti serta digeruni oleh pihak musuh.

“Oleh itu, sebagai angkatan tentera yang mementingkan kecemerlangan, rebutlah peluang untuk mendalami ilmu ke peringkat tinggi supaya ia dapat menyumbang

bakti lebih bermakna kepada keupayaan ketenteraan.

“Beta suka berpesan bahawa mulai saat ini saudara semua diamanahkan untuk mempertahankan kedaulatan negara bersama-sama dan jagalah nama baik Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia khususnya dengan jujur dan ikhlas serta penuh semangat waja,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Tauliah Jangka Pendek Ke-55 dan Pegawai Graduan Ke-16 di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini hari ini.

Turut berangkat Raja Dihilir Perak, Raja

Jaafar Raja Muda Musa dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali.

Seri Paduka bertitah, kesetiaan terhadap organisasi juga penting kerana ia dapat melahirkan seorang yang berdisiplin dan komited terhadap perkhidmatan.

“Ini akan memastikan perhubungan di antara pihak atasan dan bawahan sentiasa positif demi menentukan segala arahan diikuti dan dilaksanakan secara betul dan ikhlas.

“Aspek ini perlu diutamakan, tambahan pula di dalam keadaan di mana faktor keselamatan negara menjadi pertaruhan-nya,” titah baginda.